

**14 - 16 FEBRUARI 2023**

**TM01/23 - KURSUS PEMBANGUNAN CONTENT VIDEO (FILMORA)**

Kursus Pembangunan Content Video (Filmora) (TM01/23) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2023 di bawah bidang Rekabentuk Grafik (Imej Digital).

Kursus ini telah melibatkan seramai 36 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus yang diadakan secara bersemuka ini, mampu memberi impak lebih berkesan kepada peserta kerana mereka secara langsung boleh berinteraksi dengan penceramah sekiranya menghadapi kesukaran dalam melaksanakan tugas yang diberikan oleh penceramah.

Objektif kursus ini adalah mempelajari asas penggunaan aplikasi filmora, mempelajari teknik penggunaan *tools* dan *features* filmora dan dapat menghasilkan *content* video.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Encik Arizan bin Ali yang dibantu oleh fasilitator Puan Siti Khalijah binti Mahmud serta barisan urus setia dan semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.





